

Lelaki curi alat binaan milik bapa saudara dipenjara empat bulan

KUCHING: Mahkamah Majisret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara empat bulan terhadap seorang lelaki yang mencuri peralatan pembinaan milik bapa saudaranya dengan niat hendak menjualnya semula bagi mendapatkan wang untuk bermain judi dalam talian.

Majistret Leona Dominic Mojiliu menjatuhkan hukuman itu terhadap Amir Hamzah Mohd Rashidan, 25, yang mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh

didenda jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa mencuri satu unit mesin jet air, satu unit mesin pemecah simen serta satu unit mesin pemecah konkrit dalam satu kejadian pada 22 April 2026, sekitar jam 1.30 petang di sebuah rumah di RPR Batu Kawa di sini.

Fakta kes mendedahkan bapa saudara tertuduh (pengadu) mendapati tumbol pintu biliknya telah dirosakkan, dengan beberapa barangan miliknya telah hilang sehingga mengakibatkan kerugian sekitar RM800.

Susulan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan

tertuduh pada 5 Jun 2026.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh bersama seorang rakannya telah menjual barang-barang tersebut kepada seorang pembeli di Kampung Bintawa, Kuching.

Pihak polis kemudiannya berjaya merampas semula barang-barang berkenaan.

Malah, pengadu turut mengesahkan bahawa barang-barang yang dirampas oleh pihak polis adalah barang miliknya yang telah hilang.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara tertuduh tidak diwakili peguam.